

07 SEP 1997

Mahathir-Kepuasan (satisfaction)

SAYA "KECEWA" GAJI KECIL TETAPI PUAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengakui bahawa beliau "kecewa" kerana gaji yang diterimanya sebagai Perdana Menteri adalah kecil berbanding sesetengah pegawai yang bekerja di bawahnya tetapi mendapat banyak kepuasan kerana hasil kerja yang dicapai kerajaan tidak boleh dinilai dengan wang.

Katanya memang terdapat pegawai yang bekerja di bawahnya atau dalam agensi-agensi kerajaan yang mendapat gaji jauh lebih besar daripadanya dan oleh itu beliau mempunyai banyak sebab untuk "berasa kecewa".

" Saya amat kecewa kerana gaji saya kecil. Terdapat mereka yang bekerja di bawah saya dibayar gaji yang lebih besar, pakai kereta yang lebih besar dan boleh pakai kapalterbang sendiri.

" Saya berasa irihati kerana gaji kecil yang saya terima. Saya pun patut minta gaji yang lebih besar sebagai Perdana Menteri," katanya pada akhir perhimpunan agung Umno ketika bercakap mengenai rungutan ramai anggota parti yang kecewa kerana tidak dapat apa-apa walaupun telah lama berjuang dalam parti.

Tetapi, kata Dr Mahathir, beliau mendapat banyak kepuasan kerana hasil perjuangan Umno telah membolehkannya membawa banyak kebaikan kepada rakyat dan negara.

"Saya puashati kerana hasil perjuangan kita, dan saya lebih puashati perjuangan kita telah membawa hasil yang tak dapat dinilai harganya," kata Dr Mahathir.

Gaji Perdana Menteri sekitar RM17,000 sebulan berbanding RM30,000 atau lebih bagi sesetengah ketua pegawai eksekutif syarikat kerajaan.

Gaji beliau juga adalah jauh lebih kecil berbanding Perdana Menteri Singapura yang dibayar RM100,000, yang juga merupakan gaji Perdana Menteri tertinggi di dunia.

Dr Mahathir berkata beliau mendapat banyak kepuasan kerana melihat Malaysia yang satu masa dulu sebuah negara penanam padi dan penoreh getah kini menjadi negara yang rakyatnya menjadi tuan di negara sendiri dan boleh menentukan masa depan mereka sendiri.

Kepada anggota parti yang kecewa kerana tidak dapat apa-apa walaupun telah lama berjuang dalam Umno, sedangkan orang lain mendapat jawatan menteri, perdana menteri dan lain-lain, beliau berkata: " Sebenarnya ini tidak benar. Kalau kita hendak khidmat kita dibalas dengan sesuatu, maka selama-lamanya kita akan kecewa."

Mengenai dirinya, Dr Mahathir secara bersahaja berkata: " Sepatutnya saya kecewa dengan balasan yang saya terima. Bagilah gaji lebih sikit. Saya pun boleh buat kacau, setiap hari saya boleh buat demonstrasi di atas jalan raya minta gaji lebih bagi Perdana Menteri.

"Saya tak ada kereta besar, tak ada itu dan tak ada ini, sedangkan mereka yang bekerja di macam-macam agensi kerajaan di bawah saya pakai kereta besar.

" Ada yang dulu semasa bekerja dengan kerajaan tak ada kapalterbang sendiri tetapi setelah berhenti daripada kerajaan ada kapal terbang sendiri," katanya.

"Tetapi sebenarnya balasan kepada perjuangan kita adalah hasil perjuangan itu," katanya disambut dengan tepukan gemuruh para perwakilan.

Katanya daripada bangsa yang telah dijajah, "yang menjadi kuli kepada orang lain", kini rakyat menjadi tuan dan menjadi satu bangsa yang dihormati dan tidak lagi dipandang rendah dan dihina.

Ini terbukti kerana banyak negara lain yang mendapatkan pertolongan, pendapat dan nasihat daripada Malaysia yang bermakna mereka memandang tinggi negara ini kerana lebih berjaya daripada mereka.

"Itulah balasan yang sebenarnya dan itulah yang harus memuaskan hati kita.

" Tak mungkin kita dapat bayaran yang setimpal dengan kepuasan hati hasil daripada kejayaan perjuangan kita sehingga kini," katanya. -- BERNAMA

AU RON